

PUISI TRADISI MELAYU SARAWAK: ASIMILASI AGAMA DAN KEPERCAYAAN DALAM AMALAN BUDAYA MASYARAKAT

Noni Harianti Binti Junaidi

Pelajar PhD COLGIS UUM

Pensyarah Kanan FSPPP UiTM Samarahan, Sarawak

Emel: noniharianti@yahoo.com

Awang Mangala Bin Awang Abdullah

Guru Kanan Kolej Datu Patinggi Abang Hj Abdillah,

Kuching Sarawak

Emel: kerengkam@yahoo.com

ABSTRAK

Masyarakat berbilang kaum di Sarawak mempunyai kekayaan khazanah adat dan budaya yang pelbagai. Adat dan budaya ini menjadi pegangan dan kepercayaan sejak turun temurun lagi. Pepatah *biar mati anak, jangan mati adat* amat sinonim dan signifikan dengan apa yang diamalkan oleh masyarakat Melayu khususnya. Puisi tradisi Melayu Sarawak merupakan warisan pusaka nenek moyang yang telah diaplikasikan penggunaannya dalam budaya masyarakat itu sendiri. Ia juga turut digunakan sebagai satu cara untuk merealisasikan adat resam, kepercayaan, amalan budaya serta amalan agama mereka. Dari aspek inilah kita dapat melihat kepada gambaran tahap tamadun dan pemikiran masyarakat Melayu ketika zaman dahulu. Dilihat dari sudut sejarah didapati terdapat beberapa pengkaji di Barat yang telah mengkaji puisi Melayu di nusantara sejak dahulu seperti K.M. Endicott (1980), R.O.Winstedt (1917-1961), W.G.Shellaber (1975) dan ramai lagi. Tumpuan kajian mereka adalah terhadap penggunaan bahasa dalam puisi-puisi berkenaan. Kertas kerja ini akan melihat kepada pengaruh dan asimilasi agama dan kepercayaan dalam budaya masyarakat Melayu Sarawak melalui penggunaan puisi dalam beberapa perkara seperti bermukun (bergendang), majlis keramaian, amalan perubatan tradisional, petua dan permainan tradisional. Pengkaji juga akan turut meneliti kepada keperluan dan rasionalnya pada zaman serba moden ini dan melihat sejauh manakah puisi ini telah menjadi satu tradisi budaya dalam budaya masyarakat Melayu di Sarawak.

Kata kunci: Budaya, adat, puisi, Sarawak

PENGENALAN

Masyarakat Melayu Sarawak kaya dengan pelbagai budaya yang unik yang sering menarik tumpuan pengkaji-pengkaji untuk membongkar setiap keunikan yang menonjolkan identiti masyarakatnya. Kekayaan adat dan budaya inilah yang menjadi pegangan dan kepercayaan orang-orang Melayu sejak sekian lama sehingga ia telah menjadi sebahagian daripada aspek kehidupan mereka. Salah satu amalan atau tinggalkan dahulu kala yang masih lagi diamalkan dalam kehidupan mereka sehingga kini adalah penggunaan puisi dalam semua aspek budaya dan adat. Puisi yang dikatakan di sini adalah puisi Melayu yang dituturkan atau dinyanyikan dalam bahasa Melayu Sarawak. Tumpuan utama kertas kerja ini adalah dengan melihat kepada pengaruh dan asimilasi agama dan kepercayaan dalam budaya masyarakat Melayu Sarawak melalui penggunaan puisi dalam beberapa perkara seperti bermukun (bergendang), majlis keramaian, amalan perubatan tradisional, petua dan permainan tradisional. Selain itu, konteks perbincangan juga akan meneliti kepada keperluan dan rasionalnya pada zaman serba moden ini dan melihat sejauh manakah puisi ini telah menjadi satu tradisi budaya dalam budaya masyarakat Melayu di Sarawak.

DEFINISI ADAT, BUDAYA, KEPERCAYAAN DAN ASIMILASI

Menurut Kamus Dewan (2005), perkataan adat bermaksud peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan. Manakala budaya pula bermaksud tamadun, kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir, kelakuan dan sebagainya), bersifat budaya, yang mengenai kebudayaan (yang) sudah maju (akal budi). Budaya merupakan antara faktor yang melahirkan sesuatu masyarakat dan bangsa yang dinilai berdasarkan di atas kejayaan dan kekuatan tamadun yang dibangunkan. Mohd Taib Osman (1988) turut memperkatakan budaya sebagai satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang mampu memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling. Menurut E. B Taylor (dalam Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010), budaya dijelaskan sebagai keseluruhan kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat dan sebarang bentuk kebiasaan.

Menurut Shamsul Amri (2007), budaya itu sendiri dapat dibahagikan kepada dua jenis yang utama iaitu budaya bersifat kebendaan dan budaya yang bersifat bukan kebendaan. Budaya kebendaan adalah seperti peralatan yang dapat memberi simbol dan makna kepada orang lain dalam erti kata yang lain bersifat konkrit. Manakala budaya bukan kebendaan ialah kepercayaan, adat istiadat dan undang-undang. Masyarakat yang amat menyanjung budaya sesebuah kaum akan menunjukkan rasa hormat dan patuh kepada larangan yang terdapat di dalam budaya tersebut. Justeru iu, amalan itu boleh menjadi positif atau negatif bergantung kepada sejauh mana sistem budaya yang dilaksanakan dan kekuatan unsur-unsur yang terdapat di dalam budaya tersebut.

Kebudayaan mempunyai pengertian yang amat luas, seluas kehidupan manusia itu sendiri dan berbagai pengertian, takrif dan definisi kebudayaan telah diluahkan oleh ahli fikir, ahli budayawan terdahulu baik yang di timur atau di barat, telah sekata menyata, mentakrif dan mendefinisikan bahawa kebudayaan itu adalah salah satu cara hidup manusia. Manakala kepercayaan pula boleh bermaksud;

1. keyakinan atau akuan akan kebenarannya (adanya, berlakunya, dan lain-lain) sesuatu, iman, iktikad, dan
2. sesuatu yg dipercayai (diyakini, diterima sbg benar, dan lain-lain);

Manakala bagi kepercayaan animisme pula merujuk kepada kepercayaan di peringkat awal iaitu sejak manusia mulai mempunyai agama. Perkataan *animisme* berasal daripada perkataan Latin iaitu '*animis*' yang bermaksud nyawa atau roh. Berdasarkan kepercayaan seumpama inilah maka manusia percaya bahawa alam ini mempunyai pelbagai kuasa yang menunggu atau mendiami di sesuatu kawasan seperti gunung, bukit, busut, sungai dan sebagainya. Mereka percaya bahawa alam sekitar dapat mempengaruhi kehidupan manusia.

Perkataan asimilasi menurut Kamus Dewan (2002) didefinisikan sebagai satu pemaduan bermacam-macam jenis atau berbagai-bagai unsur menjadi satu (seperti pemaduan unsur-unsur daripada kebudayaan yang berlainan menjadi satu kebudayaan). Ia merupakan satu proses sosial yang berlaku apabila ada golongan manusia dengan latar belakang kebudayaan yang berbeza, saling bergaul langsung dalam tempoh waktu yang agak lama sehingga membawa kepada percampuran dalam budaya yang diamalkan.

Sistem kepercayaan orang Melayu dan masyarakat pribumi di Sarawak adalah terlalu banyak. Namun begitu, apa yang jelas dilihat ialah segala jenis kepercayaan ini merupakan rentetan daripada kepercayaan asal orang Melayu iaitu kepercayaan terhadap animisme. Kewujudan kepercayaan ini telah mempengaruhi setiap aspek kehidupan mereka dan akhirnya mereka menyembah pelbagai unsur alam semesta supaya mereka tidak terlibat dalam sebarang kemalangan. Walau bagaimanapun, kebanyakan amalan dahulu sudah semakin terhakis pada masa kini dan hanya sebahagian sahaja yang masih diamalkan.

LATAR BELAKANG ORANG MELAYU SARAWAK

Orang Melayu terdapat hampir di semua kawasan negeri Sarawak. Sejarah kewujudan orang Melayu Sarawak juga sukar untuk dipastikan kerana terdapat beberapa sumber sejarah yang diperolehi daripada sarjana-sarjana dahulu yang menyatakan asal usul mereka dari pelbagai sumber. Ada yang menyatakan orang Melayu berasal daripada orang Dayak, keturunan Jawa atau Minangkabau, Sumatera dan dari Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, apa yang menjadi tumpuan di sini adalah dari segi perkongsian warisan budaya yang telah diamalkan sejak dahulu lagi.

S. Husin Ali (1979) menyatakan bahawa Melayu merupakan nama khas bagi satu kelompok serumpun bahasa dalam kalangan kelompok Bahasa Melayu-Polinesia (Austronesia). Sebagai nama khas, kelompok suku bangsa ini mendiami wilayah-wilayah Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, selatan Thai, pesisir Timur pulau Sumatera, pesisir pulau Borneo dan kepulauan Melayu (nusantara) serta kawasan penghijrahan mereka di seluruh dunia. Justeru itu, dunia orang Melayu ini adalah dunia yang luas dan bilangan penduduknya adalah ramai. Kelompok Melayu ini adalah salah satu kelompok yang besar di dunia. Abang Yusuf Puteh (2008) menegaskan bahawa orang Melayu Sarawak ini merupakan masyarakat yang bercampur baur dan ianya sebagai satu kelompok bangsa adalah berasal daripada satu keluarga bangsa Melayu yang besar dan menjadi salah satu daripada penduduk asal di Kepulauan Melayu yang tersebar dari Sumatera sehinggalah ke Kepulauan Filipina. Mereka adalah daripada satu rumpun budaya yang sama yang terpisah antara satu sama lain hanya semata-mata oleh sempadan politik.

Masyarakat Melayu amat mementingkan adat dan kepercayaan dalam amalan hidup seharian. Orang Melayu lekas tersinggung oleh perkara yang menyentuh adat. Petikan daripada Dona Babel (1996)

menyatakan bahawa '.....*Petua-petua Melayu Sarawak menggambarkan amalan dan budaya Melayu yang diwarisi turun temurun. Ia mengandungi nilai-nilai kepercayaan berasaskan pemerhatian terhadap alam sekeliling yang kaedahnya hampir saintifik. Pada zaman dahulu petua-petua ini merupakan panduan penting dalam pelbagai bidang kehidupan...*'.

Mereka akan menentang sebarang percubaan hendak menghapuskannya tetapi mereka bersedia memasukkan unsur-unsur baharu ke dalam yang lama. Kepercayaan kepada semangat dan adat istiadat yang bukan Islam tidak tersingkir oleh kepercayaan kepada agama Islam. Orang Melayu di kampung-kampung masih lagi meminta pertolongan daripada bomoh atau dukun untuk mengubati penyakit dan mereka juga masih lagi menjalankan upacara-upacara seperti menjamu semangat yang mempengaruhi hasil padi atau pun tangkapan ikan. Berdasarkan kepada apa yang pernah dinyatakan oleh Hj Mohtar (1977) masyarakat Melayu pada zaman dahulu berpandukan kepada fahaman animisme iaitu kepercayaan kepada semangat dan benda-benda yang ghaib atau benda-benda halus. Manakala perantara yang paling penting adalah pawang atau bomoh. Pawang atau dukun merupakan orang yang paling atas sekali kedudukannya dalam masyarakat Melayu zaman dahulu. Pawang atau bomoh adalah tempat mereka menumpukan segala kepercayaan, perlindungan dan pertolongan. Jika hendak diadakan istiadat perkahwinan pawang atau bomoh akan didahulukan.

Walau bagaimanapun, kepercayaan kepada semangat semakin berkurangan dalam kalangan orang Islam sekarang yang beransur-ansur terpisah daripada ilmu ghaib yang diperlukan dalam adat dan kepercayaan lama ini.

Puisi Melayu: Kajian Dan Praktis

Perbincangan seterusnya adalah dengan melihat kepada penggunaan puisi Melayu tradisi dalam amalan budaya masyarakat Melayu di Sarawak. Puisi-puisi yang dikaji adalah seperti pantun, jampi, serapah, mantera, lagu rakyat dan peribahasa yang telah digunakan sejak sekian lama dan sebatik dalam budaya masyarakat Melayu Sarawak. Dari aspek sejarah pula, terdapat ramai sarjana Barat yang telah mengkaji puisi Melayu di nusantara sejak sekian lama. Knappert (1980) telah mengkaji tradisi lisan dan tulisan masyarakat Melayu tradisional. Tumpuan kajian beliau adalah pada puisi rakyat dan peribahasa yang menggunakan lirik bahasa yang sangat puitis. Begitu juga dengan R.O Winstedt (1961) yang merupakan antara para sarjana Barat yang dikagumi kerana telah membuat pelbagai kajian terhadap aspek bahasa dalam tempoh yang begitu lama. Tumpuan kajian beliau adalah terhadap jampi, mantera, doa dan pengaruhnya terhadap kepercayaan dan agama dalam budaya masyarakat Melayu. Menurut beliau, orang Melayu sangat percaya kepada kuasa semangat yang menguasai tubuh badan manusia dan alam. Kepercayaan kepada kuasa ghaib dan semangat inilah yang menyebabkan jampi, serapah dan mantera serta upacara yang berkaitan dengan agama dan adat telah wujud dalam masyarakat Melayu. Begitu juga dengan Shellaber (1975) terkenal dengan suntingannya dalam *Sejarah Melayu* telah mengemukakan beberapa genre puisi seperti pantun, syair, seloka dan gurindam.

Bagi pengkaji-pengkaji di Timur pula seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'aba), Muhammad Haji Salleh, Mohd Taib Osman dan ramai lagi telah menjalankan kajian terhadap puisi Melayu tradisi secara lebih dinamis. Contohnya Za'aba yang merupakan seorang tokoh puisi Melayu tradisional yang paling terkemuka telah menjalankan banyak kajian sepanjang tahun 1939 sehingga 1964 yang bertumpu kepada seloka, gurindam, sajak, syair dan pantun. Setiap baris puisi dan bahasa dikaji penggunaan dan pengaruhnya kepada masyarakat Melayu. Begitu juga dengan Muhammad Haji Salleh (1977) yang telah menyatakan bahawa puisi Melayu tradisional telah menjadi asas kepada puisi moden pada masa kini. Seorang lagi sarjana iaitu Mohd Taib Osman (1981) yang merupakan seorang pengkaji kebudayaan

Melayu turut mengemukakan pendapat beliau tentang puisi Melayu tradisional. Beliau meletakkan asas yang lebih kukuh tentang puisi Melayu lama sebagai kesinambungan untuk perhatian umum dan penyelidikan tentang puisi Melayu lama.

Puisi merupakan satu bentuk pengucapan umum dalam susunan yang istimewa berbanding dengan pengucapan biasa yang terdapat dalam pertuturan hari-hari, bahasa yang mementingkan kebenaran gaya intelektual dan logikal yang khusus dalam bentuk prosa, dan tidak berunsur sastera (Harun, 1989). Beliau menggariskan bahawa puisi tradisional harus didasarkan ciri-ciri berikut;

- i. Susunan itu memperlihatkan penggunaan bahasa yang lebih baik, ekspresif, kental dan mengandungi nilai-nilai keindahan.
- ii. Mempunyai bentuk-bentuk tertentu.
- iii. Dalam bentuk yang tertulis dan kerat-kerat yang terbahagi itu tersusun dalam baris-baris sejajar.
- iv. Wujudnya pembahagian unit dalam menyatakan idea.

Secara umumnya, puisi Melayu Sarawak mempunyai persamaan dengan ciri-ciri puisi Melayu Semenanjung Malaysia. Puisi tradisional Melayu Sarawak dikatakan berkait rapat dengan magis kerana ungkapan dan kata-kata yang digunakan dipercayai mempunyai konotasi, kuasa luar biasa dan biasa digunakan dalam upacara ritual. Dalam konteks ini, kita akan melihat kepada penggunaan puisi dan pengaruhnya terhadap agama dan kepercayaan orang Melayu Sarawak. Pengaruh tersebut dilihat dalam beberapa perkara seperti bermukun (bergendang), majlis keramaian, amalan perubatan tradisional, petua dan permainan tradisional.

Puisi: Asimilasi Agama Dan Kepercayaan Dalam Budaya Melayu Sarawak

1. Bermukun (bergendang)

Bermukun atau bergendang merupakan warisan budaya Melayu Sarawak yang diwarisi turun temurun. Ianya menjadi aktiviti hiburan paling bermakna dan penting bagi masyarakat Melayu dan sering dijadikan sebagai medan untuk mencari pasangan di samping meraikan sesuatu majlis dan berhibur. Di dalam majlis bergendang, berbalas pantun merupakan media perantara tanda bermulanya perkasihannya antara si teruna (topeng) dan si gadis (syekh gendang). Si teruna atau dikenali sebagai topeng akan cuba untuk menjual atau membeli pantun kepada si dara (syekh gendang) dan begitu juga sebaliknya. Pantun yang dituturkan adalah amat menarik, menyindir malahan mampu menusuk kalbu. Penggunaan bahasa adalah dalam dialek Sarawak. Di antara pantun yang digunakan adalah seperti berikut;

*Anak Cina memotong rumput
Rumput dipotong si parang panjang
Ke mulut naga lagi ku rebut
Inikan pula kekasih orang*

(dijual oleh si teruna/topeng)

*Emak mbok menggoreng telur
Irislah bawang jangan melintang
Mun kitak mauk jangan berundur
Rebutlah kamek di tangan urang*

(dibeli oleh si gadis/ syeikh gendang)

*Duak tiga sikal berlombak
Lombak dari padang Weles
Duak-duak angkat bertandak
Sapanya pandei dapat peraes*

(dijual oleh si gadis/ syeikh gendang)

*Asam payak kerin disalei
Disalei oleh Raja Hanoman
Mainan saya belum pandei
Sekadar ada melepasi kempunan*

(dibeli oleh si teruna/topeng)

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

Dalam konteks ini, pantun yang diucapkan dalam gendang Melayu Sarawak mempunyai pelbagai lagu. Beberapa sumber lisan yang diperolehi menyatakan terdapat sebanyak 28 jenis lagu yang digunakan dalam bergendang, namun begitu kesahihannya belum dapat dipastikan. Bahasa yang digunakan adalah dialek Sarawak dan maksud serta penyampaian dibuat secara jelas dan bersahaja.

2. *Majlis keramaian*

Masyarakat Melayu Sarawak juga masih mewarisi pelbagai tinggalkan dahulu dan dipraktiskan dalam pelbagai majlis keramaian seperti perkahwinan, mencukur rambut bayi yang baru lahir dan pelbagai lagi. Contohnya di dalam majlis perkahwinan itu sendiri terdapat pelbagai petua dan bacaan dalam bentuk puisi digunakan. Antaranya adalah seperti berikut;

- a. ***Tepong tawar***- merupakan satu acara yang menjadi adat dalam majlis perkahwinan. Bahan-bahan untuk tepong tawar akan dibacakan dengan mantera oleh orang yang pandai (kebiasannya mak andam pengantin atau bidan) yang bertujuan untuk mendoakan kemasyhuran, harta, anak dan menunaikan fardhu Haji di Mekah (Tuah Mat Nor, 1998). Mantera ini dipanggil 'mantera tepong tawar' dan berbunyi seperti berikut;

*Bismillah mula awal dijemput puas
Ditabur beras di atas kepalak
Beras kunin namanya pulak*

*Beras di dalam pakar dan pila
Beras di dalam malikun tua
Pakaian daripada urang mula-mula
Inilah asrat urang tua-tua
Sampei sekarang tuk kitak ngekotlah begitu juak
Urang alem, aji pun adalah bersama-sama.*

*Tuan Sharif bijak bangsawan
Lagik pun Sharif serta bangsawan
Ya encik abang dan tuan-tuan
Mintak doa kepada Tuhan
Kita menyampaikan ajat urang sekalian.*

*Bismillah mula awal baku
Meletakkan tepong ini beutap-utapnya
Penoh dengan tawarnya.*

*Ibu bernama segental puli
Ayah bernama segental jarik
Sejokkan apa anak ku ini
Sejok sepeti ular cinta mani.*

*Bismillah mula awal baku
Melepaskan tepong
Tepong tawar tepong jati
Tepong asal mulanya jadi
Tepong turunan daripadanya nabi
Tepong pulut namanya padi
Tepong bercampur entemu kunci
Tepong beraik santan dan pati
Diiring dengan emas yang tahan uji
Kikir parek akan pengesek
Daun pandan akan bunga rampai.*

*Diambor dengan aik kasturi
Baunya harum di seluroh negeri
Bertuah apalah anakku ini
Serta keduanya laki bini
Berkat syafaat Nabi Muhammad s.a.w
Berkat mulai dengannya wali
Berkat Fatimah binti Rasuli
Mendapat lebai serta aji
Mendapat alim lagik terpuji
Namanya masyhur di setiap antero negeri
Mendapat intan dengannya dengannya pudu
Mendapat kemala menerangi negeri
Mendapat anak perempuan atau lelaki
Berkatnya ngekot syafaat nabi*

*Barulah anak ku kelak mendapat terpuji
Ya rabbi mu ya rabi.*

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

Penggunaan kata dalam mantera tersebut dicampurkan dengan unsur-unsur agama dan gaya puisi adalah seperti berbentuk penceritaan.

b. *Mandik peraja*

Di dalam masyarakat Melayu Sarawak, terdapat pelbagai jenis kepercayaan, amalan atau pantang larang yang mereka ikuti sejak sekian lama dahulu. Antaranya adalah amalan 'buang peraja'. Tidak ada bukti saintifik yang mendukung maksud sebenar perbuatan ini. Walaupun terdapat banyak cerita lisan dalam masyarakat kita, namun ianya masih belum dapat mengakui akan kebenaran setiap perbuatan yang dilakukan. Seperti yang dinyatakan, amalan 'buang peraja' merupakan salah satu kepercayaan di dalam adat istiadat perkahwinan pasangan kaum Melayu di Sarawak. Menurut kepercayaan orang Melayu, ianya bertujuan untuk membuang kecelakaan atau sial di dalam melayari alam rumahtangga. Pada kebiasaannya, amalan 'buang peraja' ini diadakan selepas selesainya sesuatu majlis persandingan kedua mempelai. Selepas itu pasangan pengantin akan diiringi oleh kaum keluarga masing-masing menuju ke sungai atau tebingan untuk melakukan upacara 'buang peraja'. Acara ini akan diketuai oleh seorang yang berpengalaman seperti mak andam atau pawang yang akan membaca mantera dalam bentuk puisi seperti berikut;

*Assalamualaikum
Ya penunggu tujuh lautan
Assalamualaikum
Ya penunggu tujuh daratan
Assalamualaikum
Ya penunggu tujuh langit
Janganlah kitak
Memberi kecelakaan kepada kedua-duak pengantin tok*

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

*Selawat ke atas Nabi junjungan.
Timbul besi baru semangat kamek tok kalah
minta tolong jaga kamek tok
jangan dituntut
jangan didakwa
tok dah kamek beri pengganti untuk kitak*

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

Penggunaan puisi dalam mantera berkenaan juga dicampurkan dengan unsur agama. Bagi mereka, sekiranya perlakuan ini tidak diamalkan boleh membawa kepada kemudaratan kepada pasangan yang baru melangsungkan perkahwinan. Wujudnya sesuatu pantang

larang ialah akibat daripada kepercayaan karut masyarakat dahulu tentang sesuatu perkara atau kejadian (Wan Ramli, 1999).

3. Amalan perubatan tradisional

Bagi masyarakat Melayu Sarawak dahulu apabila menyentuh berkaitan perubatan, mereka amat mempercayai akan peranan yang dimainkan oleh bomoh atau pawang. Sekiranya berlaku sesuatu perkara, maka bomoh dan pawang inilah yang akan berusaha untuk mengubati sesuatu penyakit. Dalam konteks ini, penggunaan jampi, mantera dan serapah akan digunakan. Pada masa kini, selain daripada penyakit kronik ataupun penyakit yang dapat dikenal pasti melalui sains dan teknologi, mereka masih mempercayai punca penyakit tersebut dengan kepercayaan animisme. Penggunaan mantera dan sebagainya diamalkan dalam perubatan dari sejenis penyakit yang biasa sehinggalah ke peringkat penyakit yang serius seperti terkena rasuk dan sebagainya. Contohnya jampi yang digunakan untuk mengubati seseorang yang sakit perut yang berbunyi sebegini;

*Bismillahirrahmanirrahim
Kulit liat urat liat
Tulang keras nafas lanjar darah panas
Berkat doa
La ila ha illallah
Muhammadasulullah*

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

Begitu juga dalam menyediakan air selusuh kepada ibu yang bakal melahirkan anak, doa jampi sebegini akan dibaca;

*Bismillahirrahmanirrahim
Menencang menencing
Kedakak kedebuk
Kedecak kedecak melancar*

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

4. Petua

Masyarakat Melayu Sarawak begitu teguh memegang adat yang ditransformasikan dalam pelbagai bentuk kehidupan dan seterusnya menjadi petua yang diamalkan sehingga ke hari ini. Di antaranya adalah seperti petua untuk membina rumah baharu. Menurut Awang Abdullah (1998), langkah-langkah 'berumah baru' ini telah menjadi adat turun temurun Melayu Sarawak dan terdapat dua langkah penting yang perlu diikuti iaitu semasa mendirikan tiang dan juga semasa memasuki atau berpindah ke rumah baharu. Bagi mendirikan tiang rumah, mantera sebegini perlulah dibacakan sambil meletakkan besi, garam dan batang pisang dalam lubang tiang yang telah disediakan.

*Assalamualaikum
Ya Jibril, Mikail, Israfil, Izrail*

*Assalamualaikum
Ya penunggu bumi
Berseliahlah barang yang tidak elok di tapak rumah ini.*

Manakala semasa berpindah rumah pula, mantera ini perlulah dibacakan oleh ketua rumah sebelum memasuki rumah baharu.

*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum
Ya penunggu rumahku
Bukaklah pintu
Selamat untuk kamek sekeluarga*

Di samping itu, terdapat berbagai-bagai lagi petua yang digunakan dalam bentuk jampi bagi sesuatu tujuan seperti untuk penyeri muka seperti di bawah;

*Pucuk cekor batang cekor
Disentuh urang ngan jarik manis
Bismillah aku puluk pupur
Sekalian urang memandang aku manis
Cahaya nait ke muka
Seri nait ke dahi
Cahaya Allah cahaya Muhammad
Cahaya Baginda Rasulullah
Berkat doa La ila ha illallah
Muhammadurusulullah*

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

Dalam konteks ini dengan jelas dapat dilihat bagaimana asimilasi agama, kepercayaan dan puisi itu saling berkait rapat antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, terdapat unsur-unsur animisme seperti 'penunggu' yang dikatakan wujud dalam rumah yang baharu dibina tersebut.

5. Permainan tradisional

Masyarakat Melayu Sarawak tetap unik dengan adanya permainan tradisional terutamanya permainan kanak-kanak. Terdapat unsur-unsur penggunaan puisi dalam sesetengah permainan tradisi seperti dalam permainan berikut;

- a. Cong kerepang** – merupakan satu permainan yang popular dalam kalangan kanak-kanak suatu masa dahulu di Sarawak. Ia memerlukan beberapa orang pemain dan seorang akan dipilih sebagai pangkin tangan atau induk. Tujuan permainan ini adalah untuk menguji kebolehan induk meneka genggam tangan pemain yang lain. Lagu yang dimainkan adalah berbunyi begini;

*Cong kerepang
Belangak sombeng
Pecah geliga*

*Ketamak atang-atang
Tergileng-gileng
Tergileng gileng*

- b.** Cong kemembek - permainan ini menggunakan kaki dan bertujuan dimainkan sebagai salah satu hiburan sahaja. Kesemua pemain akan melunjurkan kedua-dua belah kaki dan seorang pemain akan dipilih untuk membuat hitungan sambil menyanyi sehingga nyanyian tamat. Setiap kali nyanyian tamat, kaki yang dihitung atau disentuh tersebut akan ditarik dan selepas itu permainan akan diteruskan sehingga ke kaki yang terakhir yang mana akan dikatakan sebagai pemenang. Lagu yang dinyanyikan berbunyi seperti begini;

*Cong kemembek
Kemembek tali gendang
Ke situ
Ke mari
Sintak sintong
Bedabat dalam buluh
Engkang engkong*

(Sumber lisan berdasarkan temu bual)

Praktis dan Rasionalnya

Keunikan puisi tradisi Melayu Sarawak jelas dilihat daripada peranan, fungsi serta kepentingan yang dimainkan dalam masyarakat tradisi Melayu Sarawak. Puisi tradisi mempunyai sifat fungsional iaitu digunakan untuk sesuatu kegiatan seperti ritual, pemujaan, pengubatan dan sebagainya. Pada dasarnya pula, ia merupakan salah satu sumber kepercayaan dan amalan dalam budaya dalam kalangan masyarakat Melayu tradisi Sarawak. Ia juga dianggap sebagai unsur *escapisme* dari aktiviti-aktiviti kehidupan dan masalah serta cabaran kehidupan buat waktu tertentu, khususnya pada zaman lampau. Namun begitu, terdapat juga unsur-unsur pemujaan, unsur-unsur komunikasi dan kompromi antara sesama manusia dan antara manusia dengan makhluk-makhluk halus.

Selain itu, penggunaan unsur-unsur Islam seperti *Assalamualaikum, Bismillah, Allah dan Rasul* menunjukkan terdapatnya asimilasi agama dalam puisi yang dituturkan. Justeru, tidak dinafikan masyarakat dahulu juga peka dengan pegangan agama yang mereka anuti. Walau dalam masyarakat mana sekali pun, setiap amalan dan kepercayaan pasti ada penjelasan yang logik dan boleh diterima akal manusia. Walau bagaimanapun, setiap perkara yang dianggap sebagai kepercayaan tersebut telah tidak diberikan alasan rasional serta penjelasan oleh nenek moyang kita dahulu. Oleh yang demikian, perkara dan perbuatan terhadap amalan sebegini tidak mudah diterima akal oleh muda mudi pada masa sekarang. Apatah lagi bila ia menyentuh kepada soal alam ghaib. Justeru itu, kepercayaan ini hanyalah dilakukan bagi memenuhi permintaan adat. Adat merupakan sesuatu yang diwarisi, sekiranya masyarakat tersebut tidak mempunyai adat, masyarakat tersebut dianggap sebagai masyarakat yang tidak bertamadun atau masyarakat yang tidak mempunyai kekuatan, sehinggakan ada pepatah yang mengatakan '*biar mati anak, jangan mati adat*'.

Kepercayaan pada perkara sial atau bala pada sesuatu perkara sesungguhnya adalah sebahagian daripada kepercayaan orang jahiliah sebelum kedatangan Islam. Masyarakat kita dengan tidak usul periksa menerima dan mempercayai sangkaan terhadap kepercayaan khurafat ini. Sebagai natijahnya kepercayaan yang karut ini terus membelenggu mereka yang lemah jiwa dan imannya dan terus

membudayakan amalan yang berbau syirik tersebut. Begitu juga halnya dengan apa yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu dahulu yang sehingga kini masih dijadikan sebagai panduan dalam melakukan sesuatu perkara oleh segelintir masyarakat. Namun demikian, pengekalan kepada unsur-unsur yang tidak rasional haruslah dielakkan daripada menjadi satu pegangan yang kuat dalam kehidupan. Unsur hiburan seperti puisi dan pantun boleh diamalkan tetapi yang membawa kepada pemesongan akidah dan pegangan agama seseorang haruslah dijaui.

KESIMPULAN

Secara ringkas dapatlah dikatakan bahawa kebudayaan itu adalah cara keseluruhan hidup kita sebagai manusia, sejak kita lahir sehingga mati, baik secara perseorangan, berkeluarga atau dalam kelompok masyarakat dengan berbagai cara dan usaha untuk menyesuaikan diri menghadapi cabaran hidup mengikut tempat, masa dan keadaan. Begitu juga dengan adat yang merupakan peraturan yang menjadi panduan dalam melakukan sesuatu. Adat yang baik dan tidak bertentangan dengan agama Islam perlulah dipatuhi dan dikekalkan. Oleh yang demikian, adat, budaya dan kepercayaan merupakan satu gabungan atau asimilasi yang saling berkaitan antara satu sama lain yang seterusnya membentuk kepada satu pegangan yang kuat dalam diri seseorang. Penggunaan puisi pula merupakan satu unsur hiburan dalam memastikan ketiga-tiga perkara tersebut dapat diamalkan dengan baik. Sekiranya generasi muda tidak memainkan peranan penting dalam pengekalan adat warisan budaya dan kepercayaan ini, dikhuatiri satu hari nanti ianya akan hilang ditelan zaman. Agama Islam banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya dalam aspek kebudayaan. Segala perbuatan yang berkaitan dengan adat, budaya dan kepercayaan akan diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak selagi ianya tidak bercanggah dengan ajaran agama.

SENARAI RUJUKAN

Abang Yusuf Puteh. (2008). *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*. Edisi Kedua. KL: DBP.

Awang Hasmadi Awang Mois (2001). *Adat Melayu Sarawak dalam Abdul Latiff Abu Bakar, Adat Melayu Serumpun, Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah.*, Kerajaan Negeri Melaka, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Penerbit Universiti Malaya.

Dona Babel (1996). *Petua-petua Melayu Sarawak Tradisional*. Yayasan Budaya Melayu Sarawak. Kuching, Sarawak: The Sarawak Press Sdn. Bhd.

Kamus Dewan, Edisi Ketiga. (2002) KL: DBP.

Kamus Dewan, Edisi Keempat (2005). KL: DBP.

Knappert, J. (1980). *Malay Myths and Legends*. KL: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Mohd Taib Osman (1988). *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. KL: DBP.

Mohtar Hj Md Dom. (1977). *Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu*. Malaysia: Federal Publications Sdn. Bhd.

Mohtar Hj Md Dom. (1977). *Kepercayaan dan Pantang Larang*: Malaysia: Federal Publications Sdn. Bhd.

Shamsul Amri (2007). *Budaya yang Tercabar*. KL: DBP.

Shellaber, W.G. (1975). *Sejarah Melayu . edited*. KL: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Syed Ismail bin Syed Mustapa & Ahmad Subki bin Miskon (2010). *Buku Guru dan Cabaran Semasa*. KL: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

Wan Ramli Wan Muhammad Hanapi Dollah. (1999). *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Dis. Sdn Bhd.

Winstedt, R.O (1961). *A History of Classical Malay Literature*. KL: Oxford University Press.

Temubual bersama responden di Sarikei dan Kuching:

En, Awang Abdullah

En Abang Materang

Pn Hajjah Dayang Rokayah

Pn Dayang Arpah

Pn Dayang Mimah

Pn Majenah Tegak

En Tuah

Pn Yon Tosen